

Penduduk merungut kerap banjir

SUNGAIBUAYA -Pembetung tersumbat dan sistem perparitan tidak diselenggara menyebabkan beberapa kediaman penduduk di Blok 10, Peringkat Dua, Kampung Sungai Buaya, di sini, berdepan masalah banjir.

Penduduk, Mohd Zubir Shaari, 46, berkata, masalah itu memaksa mereka membersihkan sendiri saluran pembetung yang tersumbat bagi melancarkan aliran air.

"Perlu berjaga-jaga apabila hujan lebat kerana dalam tempoh kurang dua jam air mula naik dan ketika itulah saya mesti keluar membersihkan pembetung.

"Rumah saya paling teruk terjejas apabila banjir kerana kedudukan rumah di kawasan rendah," katanya ketika ditemui pada lawatan kerja Adun Batang Kali, Datuk Mohd Isa Abu Kasim meninjau permasalahan infrastruktur kawasan terbabit.

Menurutnya, masalah tersebut dialami sejak beberapa bulan lalu apabila pembetung di depan rumahnya tersumbat kerana dipenuhi sampah sarap termasuk ranting kayu.

Katanya, dia terpaksa membersihkan pembetung yang tersumbat setiap kali hujan lebat



Mohd Zubir (dua, kanan) menunjukkan punca banjir melanda.

“Perlu berjaga-jaga apabila hujan lebat kerana dalam tempoh kurang dua jam air mula naik dan ketika itulah saya perlu keluar membersihkan pembetung.”

Mohd Zubir

kerana tidak mahu rumah dinaiki air.

"Rumah saya tidak ada tikar getah bukan sebab tidak mampu tapi apabila kerap banjir semua

tikar dan karpet rosak.

"Baru-baru ini tidak sampai dua minggu beli, sudah rosak semula sebab rumah dinaiki air," katanya.

Mohd Zubir berkata, sebagai langkah sementara dan mengelak keadaan lebih buruk, penduduk di Blok 10 terpaksa memecahkan pembetung dan bergotong-royong mengeluarkan sampah sarap di dalamnya.

"Namun, tindakan itu tidak menyelesaikan masalah kerana banjir tetap berlaku.

"Kami harap sistem perparitan dibaiki dan pembetung digantikan segera," katanya.